




Khutbah Jumaat 19 Ogos 2022M / 21 Muharram 1444H: "Derma Organ Demi Kehidupan"
Jabatan Agama Islam Selangor

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK;
DERMA ORGAN
DEMI KEHIDUPAN**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"DERMA ORGAN DEMI KEHIDUPAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : ... وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَ مَآءِحْيَا النَّاسَ جَمِيعاً

2

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِي آيَةِ الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيَ اللَّهُ فَقَدْ

فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat.

5

Pada hari ini mimbar akan membincangkan khutbah bertajuk: "**DERMA ORGAN, DEMI KEHIDUPAN**" sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat Kebangsaan 2022 pada bulan Ogos ini.

6

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,



Bidang perubatan hari ini semakin moden apabila pemindahan organ menjadi suatu realiti. Kes kegagalan organ yang dahulunya membawa maut kini dapat dirawat dengan kaedah transplant atau pemindahan organ.

7

Walaupun teknologinya masih baru, namun isu transplant organ menggunakan organ haiwan, manusia atau bahan lain bukanlah suatu yang asing dalam perbaasan ilmu Fiqh Islam. Di zaman sahabat, Arfaja ibn Sa'ad yang terputus hidungnya ketika perang Yawm al-Kilab dibenarkan oleh Rasul SAW untuk menggantikan hidungnya dengan hidung emas walaupun emas adalah haram bagi lelaki Muslim. Begitu juga dalam kitab fiqh lama ulama salaf dan imam mazhab, ada dibincangkan hukum pemindahan organ kerana mereka berpandangan teknologi ini bakal menjadi kenyataan.

8

Khazanah fiqh Islam inilah yang menjadi asas kepada keharusan pendermaan organ. Malangnya dalam kalangan kaum Muslim, amalan derma organ menjadi terlalu asing berpunca dari salah faham nas-nas agama, ada perasaan takut malah munculnya penolakan oleh sebilangan masyarakat.

9

Pemindahan organ adalah penggantian organ yang berpenyakit dan rosak dengan organ atau tisu yang sihat dari penderma. Ia adalah rawatan paling efektif dalam kes kegagalan organ tahap akhir yang tiada alternatif rawatan lagi. Pendermaan organ boleh dilakukan semasa hidup mahupun selepas meninggal dengan syarat-syarat tertentu setelah dinilai oleh pakar perubatan menurut polisi dan garis panduan yang telah diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

10



Sesungguhnya organ yang didermakan memberi manfaat besar kepada ramai insan dari sudut menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup pesakit. Di sisi agama, mereka dianggap membuat kebajikan yang besar

11

sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah yang dibacakan dipermulaan khutbah tadi yang bermaksud:

“...dan sesiapa yang menjaga nyawa seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia kesemuanya”.

12

Hadirin yang berbahagia,

Dari sudut perspektif agama, transplant dan derma organ telah pun dibenarkan oleh ulama dengan *ijtihad jama'ie* melalui Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri seawal tahun 1970 lagi termasuk dari institusi antarabangsa seperti Majma' Fiqh Islami dan Lajnah Da'imah Arab Saudi. Seharusnya tiada keraguan di sisi Muslim meneruskan niat menderma organ.

13

Pemindahan organ dibenarkan Syarak atas alasan ‘menjaga nyawa’ dalam *Maqasid (ataupun matlamat) Syariah* yang lima; iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Selain itu kaedah fiqh (*Qawaid Fiqhiyyah*) seperti konsep darurat membenarkan larangan ‘**ad-Dharurah tubihu mahzurat**’ dan memilih darurat yang kurang antara dua darurat ‘**Akhaffu al-Dararain**’ menjadi asas kebenaran pemindahan organ apabila berlaku sakit yang mengancam nyawa.

14



Terdapat salah faham Muslim yang telah menghindari mereka daripada menderma organ selama ini;

Pertama, terdapat sebahagian Muslim mendakwa menderma organ akan menyiksa mayat. Memang benar terdapat hadis melarang mematahkan tulang mayat kerana dikira menyiksa jenazah, namun ia dilakukan tanpa sebab munasabah. Dalam hal ini, organ diambil untuk mengelak mudarat yang lebih besar iaitu kematian.

15

Kedua, ada Muslim berpandangan bahawa jasad Muslim adalah amanah ALLAH, maka tidak boleh diambil sesuka hati. Ya benar semua jasad manusia adalah milik Allah, mulia dan harus dihormati sebagaimana firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 70 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak Adam”.

16

Memang tubuh badan adalah amanah Allah namun kita berhak semasa hidup sahaja. Manakala selepas mati, haknya hanyalah dimandi, disolat, dikafan dan kekebumikan sahaja. Adapun derma organ akan memberi peluang kepada orang lain untuk terus hidup di mana nyawanya yang ingin diselamatkan juga adalah milik Allah.

Ketiga, sebahagian masyarakat takut bahawa penderma organ akan bangkit dengan jasad tak sempurna di Mahsyar kelak. Bagaimanapun, ini adalah andaian melulu dan meragui kuasa Allah yang mampu membangkitkan insan yang telah hancur luluh di alam kubur sebagai jasad yang sempurna di akhirat.

17



Firman Allah SWT dalam surah Yasin ayat 79:

١٨ ﴿٧٩﴾ قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ

“Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya dan Dia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakan-Nya);”

Keempat, penderma akan tanggung dosa penerima organ jika penerima buat maksiat ataupun seorang kafir bukan Muslim. Dalam hal ini, Islam menetapkan bahawa taklif (tanggungjawab) yang melakukan dosa atau pahala hanya kepada individu tersebut semata-mata. Dia tidak akan menanggung dosa orang, bahkan dia beroleh pahala berterusan kerana dermanya dan dari kebajikan serta doa si penerima.

Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am ayat 164

٢١ وَلَا تَكُسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازْرَةٌ وَرُزْرُ أُخْرَىٰ



“Dan tiadalah (kejahanan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain”.

22

Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama hayati pengajaran dari khutbah ini:

1. Kita hendaklah yakin bahawa Islam adalah agama yang bersifat dinamik dalam perkara-perkara tertentu untuk kepentingan ummah sebagaimana ditetapkan oleh pihak pemerintah.
2. Pendermaan organ adalah diharuskan mengikut Fatwa Negeri Selangor bilangan 6 tahun 2019.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa yakin kuasa Allah menghidupkan semula manusia dalam keadaan sempurna di akhirat nanti.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَيَحْسَبُ الْإِنْسَنُ أَنَّ نَجْمَعَ عِظَامَهُ وَ
۝

24



"Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)?"

25

(al-Qiamah : 3)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

30

أَقُولُ قَوْلٍ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

7

وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

8

وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

18

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

19

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

20

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

21